

**Jenis Akhbar** : Berita Harian  
**Tarikh** : 14/12/2021  
**Edisi / Muka Surat** : Nasional / 1& 2  
**Tajuk** : 3,000 koperasi runcit tubuh konsortium

## Kawal kenaikan harga barang

# 3,000 koperasi runcit tubuh konsortium

Oleh Fahmy A Rosli  
fahmy.azril@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Sebanyak 3,000 koperasi runcit di seluruh negara akan menubuhkan sebuah konsortium bagi mengeluar dan membekalkan barang keperluan asas pada harga lebih murah kepada pengguna.

Apabila ditubuhkan awal tahun depan, konsortium itu juga akan bekerjasama dengan agensi pertanian dan pembekal untuk

membeli produk secara pukal untuk diedar dan dijual di kedai runcit dimiliki koperasi pada harga patut.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia (ANGKASA), Datuk Dr Abdul Fattah Abdullah, berkata buat permulaan pihaknya mensasarkan 3,000 koperasi dengan setiap satu memiliki satu kedai runcit untuk bergabung membentuk konsortium.

**Nasional 2**

Jenis Akhbar : Berita Harian

Tarikh : 14/12/2021

Edisi / Muka Surat : Nasional / 1& 2

Tajuk : 3,000 koperasi runcit tubuh konsortium

# Konsortium fokus bekal produk di bawah Program BA100

## Dari Muka 1

"Apabila dibentuk nanti, konsortium itu akan memohon permohonan import daripada kerajaan untuk mengimport, selain membuka kilang, mengeluarkan hasil dan mengedar barang keperluan terus kepada semua 3,000

kedai runcit milik koperasi terbabit.

"Modal akan dikeluarkan oleh koperasi masing-masing dan dikumpulkan dalam konsortium itu untuk tujuan berkenaan," katanya.

Beliau berkata, dengan penuhan konsortium itu, ia disarankan boleh menjadi pembekal

barang keperluan asas dengan mengambil terus dari sumber tanpa perlu melalui lapan lapis orang tengah sehingga mengakibatkan harga barang keperluan asas menjadi mahal.

Abdul Fattah berkata, konsortium itu akan memfokuskan untuk membekalkan produk di bawah Program Barang Asas 100 (BA100) untuk membantu pengguna, khususnya golongan berpendapatan rendah seperti B40 membeli barang basah atau kering pada harga lebih berpatutan.

BA100 merujuk kepada 100 barang keperluan asas, termasuk tepung, gula, beras serta barang basah lain yang biasa dibeli orang ramai.

"Ketika ini kita ada lebih 500 kedai runcit milik koperasi menyertai program BA100, 1,500 kedai lagi sedang dalam persiapan, manakala 1,000 lagi akan menyertai tahun depan."

"Matlamat kita apabila 3,000 koperasi runcit ini menubuhkan konsortium, kita boleh membekalkan dan menjual barang keperluan asas pada harga lima hingga 15 peratus lebih murah daripada harga pasaran," katanya kepada BH.

Abdul Fattah berkata, pihaknya juga diminta oleh Perdana

Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob untuk bekerjasama dengan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) dan Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) untuk memperluaskan lagi jaringan pembekalan produk pertanian supaya lebih ramai golongan sasar mendapat manfaat.

Kelmarin, Ismail Sabri mencadangkan koperasi di seluruh negara membantu menangani masalah kenaikan harga barang bagi mengurangkan tekanan dan beban kewangan rakyat yang terkesan susulan pandemik COVID-19.

Perdana Menteri berkata, antara yang boleh dilakukan ialah mewujudkan pemborong khas koperasi untuk membekalkan barang secara pukal pada harga murah kepada seluruh koperasi, dan manfaat kaedah itu akhirnya dapat turut dinikmati rakyat.

Abdul Fattah berkata, selain menjadi penyelaras konsortium, ANGKASA juga akan menerajuiinya dari segi pengawasan sistem, selain menyediakan kemudahan kredit.

Mengenai kerjasama dengan NAFAS, beliau berkata ANGKASA boleh memanfaatkan kepakaran agensi di bawah Kemen-

terian Pertanian dan Industri Makanan itu dari segi perolehan hasil pertanian dan teknologi.

CUEPACS pula, katanya, untuk membantu penjawat awam yang berpendapatan rendah supaya ada akses membeli barang keperluan asas yang dijual pada harga lebih murah di kedai runcit koperasi.

Selain barang makanan, kedai runcit kendalian koperasi turut menjual alat perkakasan dan ubat-ubatan pada harga berpatutan.

Untuk memudahkan pengguna, katanya, mereka boleh membeli secara dalam talian menerusi portal jimatbiz.com untuk membeli terus daripada pembekal atau memuat turun aplikasi jimatshop bagi membuat tempahan dan membeli barang di kedai runcit koperasi.

"Kita dapat antara masalah utama kenaikan harga barang adalah kerana peranan orang tengah yang memanipulasi harga. Kedua adalah kaedah pengurusan kedai itu mengakibatkan kos pengurusan menjadi tinggi."

"Manfaat yang pengguna dapat apabila menggunakan platform digital untuk membeli barang di kedai runcit koperasi adalah tak ada orang tengah sehingga lapan lapisan sebelum sampai kepada pengguna. Ini menjadikan harga dijual terus daripad pengeluar atau petani menjadi murah," katanya.



Abdul Fattah Abdullah